



Kewajipan, Maruah, Integrill

DASAR E-PEMBELAJARAN

UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

1.0 PENGENALAN

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 meletakkan Pembelajaran Dalam Talian Secara Global sebagai inisiatif yang diberikan keutamaan dalam lonjakan kesembilan. Bagi mencapai matlamat ini, Kementerian berhasrat untuk menjadikan pembelajaran dalam talian dan pembelajaran teradun (*blended learning*) sebagai asas kepada kurikulum di samping memberikan galakan ke atas pembangunan *Massive Open Online Courses (MOOC)*.

Dasar e-Pembelajaran Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dibangunkan bagi mendukung inisiatif tersebut dan memastikan e-Pembelajaran di UPNM selari dengan Dasar e-Pembelajaran Negara (DePAN).

Objektif dasar ini adalah seperti berikut:

- 1.1 Menjelaskan dasar umum e-Pembelajaran UPNM serta peranan dan tanggungjawab semua pihak yang terlibat mengguna dan mengurus e-Pembelajaran di UPNM.
- 1.2 Meningkatkan keberkesanan penggunaan e-Pembelajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam semua kursus yang ditawarkan oleh UPNM.

2.0 TAKRIF

Secara umumnya, e-Pembelajaran ialah persekitaran elektronik yang berpusatkan pelajar dan pembelajaran bertujuan meningkatkan keberkesanan proses dan prestasi pengajaran dan pembelajaran.

- 2.1 **Pengajaran** bermaksud proses menyampaikan (pengetahuan dan kemahiran) yang dijalankan oleh ahli akademik.
- 2.2 **Pembelajaran** bermaksud proses memperoleh ilmu pengetahuan dan kemahiran oleh seseorang pelajar.
- 2.3 **e-Pembelajaran** adalah bentuk pengajaran dan pembelajaran yang dikendalikan secara elektronik bertujuan meningkatkan penglibatan pelajar, keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran.
- 2.4 **Pusat Akademik** ialah pusat yang menawarkan program/kursus akademik.

3.0 DASAR UMUM

- 3.1 Pembelajaran dan pengajaran secara e-Pembelajaran ialah kaedah pembelajaran pelengkap dan bertindak sebagai sistem sokongan yang digunakan oleh ahli akademik bertujuan untuk meningkatkan kualiti dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.
- 3.2 e-Pembelajaran di UPNM digunakan dalam mod pembelajaran teradun iaitu gabungan antara kaedah pembelajaran konvensional dan kaedah pembelajaran maya. Justeru, ahli akademik dan pelajar masih perlu bertemu di bilik kuliah secara bersemuka mengikut jadual yang ditetapkan oleh Universiti.
- 3.3 Kandungan kursus secara dalam talian perlu diperkayakan mengikut definisi operasi semasa yang ditetapkan oleh Universiti.

- 3.4 Semua ahli akademik perlu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian.
- 3.5 Semua pelajar perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran berkaitan e-Pembelajaran.

4.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

Semua pihak adalah berperanan dan bertanggungjawab dalam pembudayaan, pelaksanaan dan penggunaan e-Pembelajaran di UPNM.

4.1 Pengurusan Universiti

- 4.1.1 Menetapkan hala tuju dan strategi ke arah pelaksanaan pengurusan e-Pembelajaran UPNM.
- 4.1.2 Melantik penyelaras di peringkat universiti yang berperanan dalam membudayakan e-Pembelajaran dan membangunkan kandungan kursus.
- 4.1.3 Mewujudkan Jawatankuasa e-Pembelajaran di peringkat Fakulti/Pusat/Jabatan/Bahagian (FPJB).
- 4.1.4 Menyediakan dana bagi menyokong pelaksanaan e-Pembelajaran meliputi infrastruktur rangkaian, perkakasan, perisian, latihan dan sumber manusia.
- 4.1.5 Menetapkan satu bentuk pengukuran bagi penggunaan e-Pembelajaran sebagai KPI universiti.
- 4.1.6 Menjadikan pelaksanaan e-Pembelajaran sebagai salah satu komponen Sasaran Kerja Tahunan (SKT) ahli akademik.

4.2 Pusat Pembangunan Akademik

- 4.2.1 Merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan mod

pembelajaran teradun dan e-Pembelajaran di UPNM.

- 4.2.2 Mempengerusi Jawatankuasa e-Pembelajaran UPNM yang bertanggungjawab melaporkan perancangan, pemantauan dan pelaksanaan e-Pembelajaran kepada pihak pengurusan.
- 4.2.3 Meningkatkan literasi ahli akademik dengan menyediakan latihan berkaitan dengan e-Pembelajaran.
- 4.2.4 Menyediakan sokongan, motivasi dan pengiktirafan yang bersesuaian kepada ahli akademik yang aktif dalam penggunaan e-Pembelajaran.
- 4.2.5 Menyediakan *helpdesk* untuk pengguna sistem e-Pembelajaran UPNM.

4.3 Pusat Akademik

- 4.3.1 Memastikan semua ahli akademik mendapat pendedahan dengan mengikuti latihan berkenaan e-Pembelajaran.
- 4.3.2 Menggalakkan ahli akademik yang terlibat dengan kursus-kursus Umum (Hubungan Etnik, TITAS, Asas Keusahawanan) untuk menggunakan bahan di dalam MOOC Malaysia.
- 4.3.3 Membuat promosi untuk meningkatkan penggunaan e-Pembelajaran agar lebih berkesan di pihak pelajar.
- 4.3.4 Mewajibkan ahli akademik memuat naik rancangan pengajaran dan bahan pembelajaran bagi setiap kursus yang ditawarkan oleh fakulti/pusat.
- 4.3.5 Membentuk Jawatankuasa e-Pembelajaran di peringkat Pusat Akademik yang bertanggungjawab untuk:
 - i. Menjalankan pemantauan berkala terhadap pelaksanaan e-Pembelajaran di peringkat pusat akademik.
 - ii. Membantu ahli akademik yang menghadapi masalah

- dalam penggunaan platform e-Pembelajaran di peringkat pusat akademik.
- iii. Mengambil langkah penambahbaikan susulan berdasarkan hasil pemantauan.

4.4 Pusat Teknologi Maklumat Dan Komunikasi

- 4.4.1 Menyediakan dan menyelenggara infrastruktur, perkakasan, perisian dan sumber teknologi maklumat dan komunikasi yang berkaitan dengan e-Pembelajaran.
- 4.4.2 Menjamin keselamatan serta integriti data dalam aplikasi e-Pembelajaran.
- 4.4.3 Mengurus, menyelenggara dan mengemas kini aplikasi e-Pembelajaran.
- 4.4.4 Melaksanakan proses salinan dan pemulihan data e-Pembelajaran.
- 4.4.5 Memberikan khidmat sokongan teknikal yang diperlukan dari semasa ke semasa.

4.5 Ahli Akademik

- 4.5.1 Setiap ahli akademik bertanggungjawab meningkatkan penggunaan dan memperkayakan isi kandungan yang dimuat naik ke Sistem e-Pembelajaran UPNM.
- 4.5.2 Setiap ahli akademik bertanggungjawab sepenuhnya atas bahan pengajaran dan pembelajaran yang telah dimuat naik.
- 4.5.3 Hendaklah memastikan bahan pengajaran yang dimuat naik relevan dengan kursus dan berkualiti tinggi.
- 4.5.4 Hendaklah memastikan bahan yang dimuat naik tidak melanggar isu hak cipta, harta intelek atau plagiat.
- 4.5.5 Bertanggungjawab memberi maklum balas dan menjaga

hasil kerja/hak milik pelajar.

- 4.5.6 Membuat penilaian pelajar berdasarkan maklum balas (*posting/assignment/forum/e-mail*) yang dijalankan secara e-Pembelajaran.
- 4.5.7 Menjalani latihan atau bengkel penggunaan atau aplikasi berkaitan e-Pembelajaran yang dianjurkan oleh Pusat Akademik, Universiti atau agensi luar mengikut keperluan.

4.6 Pelajar

- 4.6.1 Bertanggungjawab mendapatkan pengetahuan dan kemahiran menggunakan platform e-Pembelajaran bagi kursus-kursus yang diambil pada setiap semester.
- 4.6.2 Bertanggungjawab sepenuhnya atas kerahsiaan kata laluan.
- 4.6.3 Bertanggungjawab untuk tidak menyalahgunakan kemudahan yang disediakan dalam sistem e-Pembelajaran selain daripada tujuan pembelajaran.
- 4.6.4 Hendaklah memastikan bahan yang dimuat naik tidak melanggar isu hak cipta, harta intelek atau plagiat.
- 4.6.5 Berkomunikasi dengan ahli akademik menggunakan semua kemudahan komunikasi yang disediakan melalui sistem e-Pembelajaran.
- 4.6.6 Mendapatkan bantuan teknikal dan sokongan semasa menggunakan sistem e-Pembelajaran daripada *helpdesk* e-Pembelajaran UPNM.
- 4.6.7 Bertanggungjawab memastikan produk/tugasan/projek yang dihasilkan adalah beretika dan tulen mengikut polisi hak cipta.

5.0 PELAKSANAAN

- 5.1 Sistem pengurusan pembelajaran di portal elearning.upnm.edu.my ialah LMS rasmi untuk pelajar dan ahli akademik UPNM. Hanya penggunaan LMS tersebut sahaja yang diambil kira dalam audit pengajaran dan pembelajaran dalam talian pada hujung tahun.
- 5.2 Mematuhi Dasar e-Pembelajaran UPNM dan Garis Panduan Prosedur Penggunaan LMS UPNM.
- 5.3 Bilangan minimum bahan pengajaran yang perlu disampaikan secara atas talian menggunakan LMS UPNM ialah 30% (atau mana-mana definisi operasi semasa yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian) daripada keseluruhan bahan pengajaran satu-satu kursus yang ditawarkan dalam satu semester. Definisi operasi yang terguna pakai pada tahun semasa akan sentiasa dimaklumkan dan diletakkan sebagai pautan di muka depan portal LMS UPNM.
- 5.4 Memastikan sekurang-kurangnya 30% (atau indeks petunjuk aras semasa yang dikeluarkan oleh Kementerian) daripada jumlah kursus yang ditawarkan dalam setahun mencapai tahap pembelajaran teradun pada setiap hujung tahun.
- 5.5 Membudayakan interaksi ahli akademik dan pelajar secara dalam talian menggunakan platform dan emel rasmi pelajar dalam portal LMS.

6.0 HARTA INTELEK DAN HAK CIPTA

- 6.1 Semua bahan pengajaran dan pembelajaran yang dibangunkan menggunakan kemudahan dan sokongan yang disediakan oleh UPNM adalah hak milik UPNM (dibaca bersama Dasar Harta Intelek dan Pengkomersialan UPNM).
- 6.2 Ahli akademik boleh pada bila-bila masa menggunakan bahan pengajaran tersebut dalam sebarang aktiviti akademik di UPNM dan tidak boleh digunakan di institusi atau pusat pengajian lain

sebelum mendapat kebenaran daripada UPNM.

7.0 AM

- 7.1 UPNM berhak mengubah dasar ini dari semasa ke semasa.
- 7.2 Dasar e-Pembelajaran UPNM ini akan disemak mengikut keperluan dan kehendak semasa. Universiti berhak mengubah mana-mana bahagian Dasar ini dari semasa ke semasa.